

Alor Setar dilanda banjir kilat

Alor Setar: Hujan lebat lebih dua jam petang semalam, menyebabkan beberapa kawasan sekitar bandar raya ini dinaiki air antara 0.3 hingga hampir satu meter.

Antara lokasi yang dinaiki air ialah Taman Rakyat, Taman Ambar, Jalan Telok Wanjah, Jalan Sultanah Bahiyah, Taman Lumba Kuda dan Pantai Johor.

Difahamkan, air mula melimpah selepas beberapa longkang utama dan sungai gagal menampung jumlah air yang banyak susulan hujan lebat melanda sejak jam 5 petang itu.

Keadaan itu memaksa penduduk mengambil langkah berjaga-jaga, termasuk memindahkan barang ke lokasi lebih tinggi bagi mengelak sebarang kemungkinan.

Seorang penduduk di Taman Ambar, Cheng Sak Wang, 63, berkata beliau terkejut apabila melihat ruang tamu rumah teresnya digenangi air sedalam kira-kira 0.3 meter.

"Kita harap pihak berkuasa mengambil tindakan membersihkan longkang atau menaik taraf sistem perparitan kerana ia sudah tidak dapat menampung jumlah air yang banyak ketika hujan lebat," katanya.

Jurucakap Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) ketika dihubungi berkata, pihaknya turut menghantar pasukan untuk melakukan rondaan di kawasan rendah di bandar raya ini bagi membantu penduduk yang rumahnya dinaiki air.